

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[ SEKIJANG ]**

**TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan dapat membantu pekebun-pekebun kecil bagi membentuk kumpulan ekonomi yang memberi impak besar kepada pembangunan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui RISDA telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan pekebun-pekebun kecil juga berada di dalam kumpulan ekonomi yang memberi impak besar kepada pembangunan negara.

Diantara langkah-langkah tersebut ialah melaksana program-program seperti berikut:

1) Program Infrastruktur Pemasaran iaitu RISDA membangunkan Depo Belian dan Pusat Timbang & Stor untuk membolehkan pekebun kecil menjual hasil kebun mereka secara berkelompok. Penjualan secara berkelompok ini dapat meningkatkan harga jualan seterusnya mendorong pekebun kecil untuk terus komited meningkatkan produktiviti kebun.

2) Program Pembangunan Usahawan iaitu Usahawan bimbingan RISDA diberi kursus kemahiran secara berterusan bagi menguruskan perniagaan serta meminimumkan risiko kegagalan. Agenda pembangunan usahawan ini melibatkan 5 komponen utama iaitu *Recruitment, Upskilling, Evaluation, Reward* dan *Restrategize*.

3) Program Pembangunan Produk/ Perkhidmatan iaitu Usahawan pekebun kecil di bawah bimbingan RISDA diberi penekanan dalam membangunkan produk/perkhidmatan mereka melalui program AKtiviti Ekonomi Tambahan (AET), proram Pembungkusan dan Pelabelan, program Pensijilan Halal dan Program *Groom Big*.

4) Program Pemasaran di mana RISDA membantu usahawan pekebun kecil yang dibimbing untuk memasarkan produk/perkhidmatan melalui kaedah pemasaran secara *online* dan *offline*. Pemasaran secara *online* dipergiat melalui kerjasama dengan pelbagai pemain industri yang berpengalaman dalam bidang pemasaran seperti Shopee, e-Desa dan Kedai Raya. Manakala secara *offline* pula adalah menggunakan outlet RisSMart iaitu infrastruktur yang dibina oleh RISDA. Jaringan pemasaran produk turut diperkasa melalui kerjasama antara RISDA dan saluran pemasaran seperti Global Ikhwan Sdn. Bhd.

5) Program Pembangunan Hasil Baharu Agro Makanan iaitu RISDA menumpukan kepada pembangunan hasil baharu yang memfokuskan kepada bidang Agro Makanan yang dilaksana secara Jangka Panjang, Jangka Pendek dan Ternakan. Sebanyak RM 10 juta diperuntukan untuk program ini yang dapat memberi manfaat kepada 500 pekebun kecil.

Dengan langkah-langkah ini diharapkan ianya dapat membantu pekebun-pekebun kecil boleh berada dalam kumpulan ekonomi yang memberi impak besar kepada pembangunan negara.